

**Kristian akan terus guna kalimah 'Allah' walaupun kerajaan rayu keputusan mahkamah, kata Dompok**  
**Malaysian Insider**  
**April 27,2013**  
**Oleh Boo Su-Lyn**

KUALA LUMPUR, 27 April — Kristian tidak akan berhenti memanggil tuhan mereka "Allah" walaupun mahkamah menghalang mereka melakukannya di negara majoriti Islam Malaysia, kata Presiden UPKO Tan Sri Bernard Dompok dimana partinya sebahagian daripada gabungan pemerintah Barisan Nasional (BN).

Beliau yang merupakan seorang Kristian Sabah dan menteri perusahaan perladangan dan komoditi kerajaan sementara itu menolak kesan terhadap undi Kristian berikutan rayuan kerajaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 2009 yang membenarkan komuniti tersebut menggunakan perkataan Arab "Allah", walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menzahirkan sokongannya terhadap rayuan tersebut menjelang pilihan raya 5 Mei.

"Apa pun keputusan rayuan tersebut, tiada kerajaan boleh melaksanakan halangan seperti ini," kata Dompok kepada The Malaysian Insider.

"Jadi Kristian akan terus menggunakannya tanpa sebarang halangan. Saya tidak fikir mana-mana kerajaan, walaupun kerajaan PAS pada masa depan, boleh menghalang Kristian daripada menggunakan ini," tambah beliau. Selain Kristian, penganut agama Sikh turut menggunakan perkataan tersebut merujuk kepada Tuhan.

Perdana menteri sementara Najib memberitahu stesen televisyen global Al Jazeera dalam satu wawancara yang akan disiarkan hari ini, beliau menyokong rayuan kerajaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 2009, mengatakan orang Islam mempunyai konsep Allah berbeza berbanding Kristian.

Petikan daripada wawancara itu diperolehi dan dilaporkan oleh The Malaysian Insider semalam.

Mahkamah Rayuan Malaysia telah menetapkan 30 Mei sebagai tarikh untuk satu lagi kes pengurusan terhadap kerajaan dan rayuan Kementerian Dalam Negeri mengenai keputusan Mahkamah Tinggi pada 2009, perkataan "Allah" boleh digunakan oleh akhbar mingguan Katolik, Herald.

Pentadbiran Najib walau bagaimanapun mengemukakan formula 10 perkara bagi Malaysia Timur sebelum pilihan raya negeri Sarawak pada 2011 untuk menyelesaikan sekatan penghantaran kitab Injil berbahasa Melayu yang digunakan terutamanya oleh orang Kristian Bumiputera.

Dalam resolusi 10 perkara berkenaan, Kabinet melalui menterinya, Datuk Seri Idris Jala menjamin populasi kristian yang besar di Sabah dan Sarawak mereka bebas menggunakan dan memiliki kitab Injil dalam bahasa Melayu mahupun bahasa ibunda mereka.

Komuniti Kristian yang membentuk suku daripada populasi Sabah dan hampir separuh daripada populasi Sarawak beribadat di gereja menggunakan Bahasa Melayu dan membaca kitab Injil berbahasa Melayu.

Dompok memberitahu, parti komponen BN Sabah Kadazandusun PBS, UPKO dan PBRIS

baru-baru ini mengimport 5,000 salinan kitab Injil Indonesia untuk komuniti Kristian di negeri Borneo.

“Walaupun sebelum Malaysia ditubuhkan, perkataan ini sudah digunakan. Dalam bahasa Iban, tiada perkataan lain,” katanya.

“Di Malaysia, kita harus benarkan penggunaan bahasa kebangsaan sepenuhnya dan menjadi hak asasi manusia bagi semua rakyat Malaysia untuk dibenarkan menggunakan apa-apa bahasa yang sesuai untuk ibadat mereka,” tambah bekas ketua menteri Sabah itu.

Pemimpin gereja mengatakan semalam, sokongan Najib terhadap pengharaman “Allah” bertentangan dengan resolusi 10 perkara untuk negeri Borneo.

Komuniti Kristian berjumlah sembilan peratus dari 28 juta populasi Malaysia.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ristian-akan-terus-guna-kalimah-allah-walaupun-kerajaan-rayu-keputusan-mahkamah-kata-dompok/>